

Operasi kutipan sampah ikut jadual

KDEBWM tetap beroperasi sempena Aidilfitri, beri perhatian lebih kawasan jana sampah tinggi

Oleh **SITI AISYAH MOHAMAD SHAH ALAM**

KDEB Waste Management (KDEBWM) akan menjalankan pembersihan dan pengurusan sisa pepejal di Selangor seperti biasa mengikut jadual kutipan yang ditetapkan sepanjang tempoh Aidilfitri dan selepas perayaan itu.

Pengarah Urusan KDEBWM, Datuk Ramli Mohd Tahir berkata, beberapa kawasan yang dijangkakan berlaku

penjanaan sampah yang tinggi akan diberi perhatian lebih.

Bagaimanapun, menurutnya, kutipan pada malam raya pertama di mana pergerakan lori kompaktor akan bermula jam 2 pagi sehingga selesai bagi memudahkan pemandu dan kru yang beragama Islam untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri.

“Pada pagi raya pertama, pergerakan lori kutipan akan bermula selepas pemandu dan kru yang beragama Islam selesai menunaikan solat sunat tersebut.

“Pelupusan sisa ini akan dilupuskan seperti biasa di tapak pelupusan kendalian Worldwide (WW) dan Bukit Tagar mengikut jadual operasi mereka.

“Jadual kutipan kembali normal selepas hari kedua sambutan hari raya dan hari yang seterusnya. KDEBWM sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak pengendali pelupusan agar jadual operasi mereka tidak terlalu ketat dan memudahkan kerja pelupusan dijalankan,” katanya.

Beliau berkata demikian da-



Ramli (tengah) dalam sidang akhbar Operasi Kutipan Sisa Pepejal Pada Hari Raya Aidilfitri 2024 di Ibu Pejabat KDEBWM, di Shah Alam pada Jumaat.

lam sidang akhbar Operasi Kutipan Sisa Pepejal Pada Hari Raya Aidilfitri 2024 di Ibu Pejabat KDEBWM, di sini pada Jumaat.

Tambah Ramli, bagi penambahbaikan dari segi operasi, KDEBWM akan mengukuhkan pemantauan di lapangan iaitu mewajibkan penyelia tapak di setiap zon memantau dan berada di kawasan masing-masing pada malam perayaan itu.

Ujarnya, penggiliran kerja bagi kesemua 300 penyelia yang berada di 12 operasi cawangan

lebih teratur dan sistematik serta praktikal dilakukan agar pementauan kerja-kerja operasi di lapangan berjalan lancar.

“Terdapat banyak lori kompaktor lama kepunyaan subkontraktor yang boleh digunakan sebagai aset sokongan jika diperlukan untuk menampung limpahan sisa domestik tetapi pihak KDEBWM menjangkakan ia tidak bertambah dengan banyak sehingga penduduk yang pulang berhari raya di kampung kembali pada minggu kedua dan

seterusnya.

“Pihak KDEBWM juga tidak akan menyediakan tong sampah Roll On Roll Off (RORO) dalam tempoh seminggu pertama Aidilfitri.

“Orang ramai juga boleh memohon kutipan pukal melalui aplikasi iClean Selangor di mana KDEBWM akan memproses permohonan berkaitan sisa pepejal dalam tempoh 24 jam agar ia dapat diurus dengan lebih tersusun, sistematik dan pantas,” jelasnya.

Yayasan Selangor beri sumbangan keperluan asas, wang tunai

SHAH ALAM - Yayasan Selangor memberi sumbangan barangan keperluan asas dan wang tunai kepada golongan memerlukan.

Sumbangan itu diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah dan asnaf daripada keluarga pelajar tajaan yayasan berkenaan.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, Zaini Sulaiman berkata, sumbangan itu adalah pengisian aktiviti Kembara Kasih Aidilfitri 2024 yang dilaksanakan oleh Unit Komunikasi Yayasan Selangor.

“Sumbangan yang dihulurkan ini adalah berlandaskan kewajipan tuntutan salah satu rukun Islam.

“Ini komitmen Yayasan Selangor kepada 10 keluarga asnaf dan berpendapatan rendah untuk menerima sumbangan menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat Yayasan Selangor,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Zaini dan Pengurus Komunikasi Yayasan Selangor, Norhayati Umor telah menyampaikan sumbangan pada majlis berkenaan.

Menurut Zaini, sumban-



Zaini (dua dari kiri) berharap sumbangan yang diberikan Yayasan Selangor dapat memberi keceriaan kepada penerima.

gan itu diharap dapat menggemirakan penerima dan membantu meringankan beban kewangan mereka dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba nanti.

Tambahnya, jumlah keseluru-

han sumbangan bernilai RM8,000 terdiri daripada sumbangan barangan makanan asas bernilai RM300 dan sumbangan wang tunai RM500 untuk satu keluarga.

“Diharap sumbangan ini dapat memberi keceriaan dan mem-

bolehkan mereka merasai nikmat berhari raya dengan lebih bermakna.

“Semoga inisiatif ini juga secara tidak langsung memberi kesedaran agar kita sentiasa mengambil berat tentang kere-

sahan dan masalah yang dihadapi oleh umat Islam lain, seterusnya membentuk serta membina kesejahteraan ummah apabila yang susah dibantu sementara yang lemah terus disantuni,” ujarnya.